

TANGGA BATU RUMAH MELAYU
MELAKA

MAZNAH BINTI MD TAIB
87654425

KURSUS SENIREKA LOGAM HALUS
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya terhasil sebuah penulisan yang diinginkan. Usaha ini tidak akan berhasil tanpa adanya bantuan dan kerjasama dari pihak-pihak tertentu. Di kesempatan ini saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah yang dapat membalas jasa baik kalian semua.

1. Md. Taib Talib

Bukit Lintang, Melaka.

2. Sapiah Hj. Muslimin

Bukit Lintang, Melaka.

3. En. Hashim Salleh

Bukit Lintang, Melaka.

4. Pn. Mohainee Khalid

Ketua Kursus Jabatan Senireka Logam Halus,
KSSR ITM.

5. En. Abd Jalil

Muzium Budaya Melaka.

SINOPSIS

Tangga batu rumah Melayu Melaka sering menjadi tajuk perbualan, terutamanya pegunjung yang datang ke Melaka. Mereka kagum dengan peninggalan warisan Melayu lama. Tangga batu adalah salah satu khazanah seni yang tidak ternilai harganya. Keindahan dan keunikan tangga batu rumah Melayu Melaka menjadi daya tarikan kepada orang luar untuk melawat Melaka. Keinginan untuk melihat secara dekat bentuk tangga batu timbul melalui penulisan yang telah dibaca atau dari cerita orang.

Walau bagaimana pun masih terdapat kekurangan penulisan yang mengutarakan lebih terperinci mengenai tangga batu rumah Melayu Melaka. Memandangkan kurangnya bahan bacaan tangga batu saya berminat untuk menambahkan bahan bacaan tersebut. Diharapkan dengan adanya penulisan ini generasi akan datang dapat merujuk kepada bahan ini. Oleh itu generasi akan datang tidak menjadi generasi yang lupa pada khazanah tinggalan nenek moyang mereka.

Kebimbangan mengenai luputnya khazanah tanahair tidak lagi menjadi masalah dan persoalan. Ini disebabkan ramai telah menyedari betapa pentingnya untuk menhangrai khazanah tersebut. Tangga batu adalah warisan dan lambang bagi masyarakat Melayu Melaka. Kebanggaan ini menjadi teraju bagi Melaka untuk mencipta sebuah kemasyuratan pada masa kini dan akan datang.

Pengkajian yang saya cetuskan, adalah mengenai "tangga batu rumah Melayu Melaka yang meliputi dari segi reka bentuknya, konsep, penggunaan ubin dan pengaruh luar yang di-

JADUAL ISI KANDUNGAN

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Jadual Isi Kandungan	vi
Sepatah Kata	viii
BAB I	
<u>PENGENALAN TANGGA RUMAH MELAYU MELAKA</u>	
I.1 Rumah Melayu Melaka	I
I.2 Definasi Tangga	8
I.3 Jenis-jenis Tangga	9
I.4 Letak Tangga	I3
BAB 2	
SEJARAH	
2.1 Sejarah Melaka sepintas lalu	I5
2.2 Bermulanya Tangga Dalam Masyarakat Melayu	I7
2.3 Asal usul tangga batu rumah Melaka	20
2.4 Pembinaan Rumah Dan Tangga	22
2.5 Adat-Adat mendirikan Rumah dan Tangga	26

I. PENGENALAN

I.I RUMAH MELAYU MELAKA

Rumah adalah tempat tinggal dan juga merupakan tempat perlindungan utama bagi manusia. Ianya adalah salah satu daripada keperluan asas manusia selain daripada makanan dan pakaian. Dari segi fizikalnya sebuah rumah itu berfungsi sebagai tempat berlindung daripada panas dan hujan atau dari berbagai bencana yang lain. Dari segi psikologipula, rumah merupakan satu tempat yang dapat memberi ketenangan jiwa dan keselesaan diri.

Penciptaan atau pembuatan rumah sama seimbang sebagaimana berkembangnya masyarakat dan budaya Melayu mengikut keperluan masa dan persekitaran. Bentuk rumah yang di anggap bentuk asli rumah melayu ialah rumah Melaka.

Rumah Melayu Melaka merangkumi tiga bahagian atau unit yang besar iaitu rumah ibu, serambi rumah dan rumah dapur. Bahagian yang pertama ialah serambi rumah yang berfungsi sebagai tempat duduk tetamu, tempat mengadakan perundingan dan tempat mengadakan kenduri perkahwinan. Serambi rumah juga digunakan dalam istiadat kematian dan selalunya anak-anak lelaki bujang tidur di bahagian serambi. Tujuan mereka tidur di serambi adalah menjaga rumah dan untuk mengawal serta menghindari angkara jahat orang luar.

Menurut kepercayaan orang dulu bahagian serambi dan bumbungnya hendaklah dibina mengikut peraturan tertentu, seperti